

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 22/08/2007

Abdullah terima kunjungan Chulanont

UM - 22/8/2007

PUTRAJAYA 21 Ogos - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menerima kunjungan hormat rakan sejawatannya dari Thailand, Surayud Chulanont di pejabatnya di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Surayud dan isterinya, Chit-ravadee Chulanont tiba pada pukul 8.30 pagi.

Ketibaan Surayud dan isteri telah disambut oleh Perdana Menteri serta isteri, Datin Seri Jeanne Abdullah.

Istiadat sambutan rasmi telah diadakan di Dataran Perdana sebelum kedua-duanya mengadakan perbincangan di pejabat Perdana Menteri.

Surayud berada di negara

ini selama tiga hari mulai semalam dan kunjungan beliau serta rombongan dijangka membincangkan soal ekonomi, politik dan keselamatan di sempadan antara kedua-dua negara serta isu-isu ASEAN.

Kedua-dua pemimpin turut menyaksikan upacara menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dalam bidang pendidikan antara Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein dan Menteri Pelajaran Thailand, Prof. Dr. Wilchit Srisa-an.

MoU itu sebagai usaha kedua-dua negara mempertingkatkan hubungan dan kerjasama dalam bidang pendidikan.

ABDULLAH Ahmad Badawi bersama Surayud Chulanont menyaksikan Hishammuddin Tun Hussein dan Prof. Dr. Wilchit Srisa-an menandatangani MoU bidang pendidikan di Putrajaya, semalam.
- Gambar **ABDUL NAZIR MOHAMED**

